

01/10/1998

Syor tubuh badan elak spekulator

ad Ghazali Musa

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan disaran menubuhkan sebuah jawatankuasa yang berfungsi mengkaji kedudukan pasaran saham yang diizinkan Islam bagi memastikan pasaran saham negara ini bersih daripada tindak tanduk kotor spekulator.

Senator Jamilah Ibrahim yang mencadangkan penubuhan jawatankuasa itu, berkata jawatankuasa berkenaan mungkin boleh dianggotai ahli profesional, pakar ekonomi serta kewangan Islam.

"Ia bagi mengkaji kedudukan pasaran saham yang diizinkan Islam supaya pasaran saham kita bersih daripada kegiatan spekulator," katanya ketika membahaskan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998.

Akta berkenaan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan II, Datuk Mustapa Mohamed, sudah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Sambil menyokong pindaan akta berkenaan, beliau yakin penubuhan jawatankuasa itu dapat mengelakkan pasaran saham daripada terbuka kepada kegiatan spekulasi yang merugikan serta bertentangan dengan amalan dan kewibawaan Islam seperti unsur perjudian.

Beliau turut meminta kerajaan supaya tidak terlalu tergesa-gesa dalam menyelesaikan masalah pasaran saham dan memastikan usaha drastik sekarang tidak dilonggarkan apabila ekonomi kembali pulih.

Senator Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman pula berkata perkembangan pasaran kewangan dan ekonomi dunia menunjukkan bahawa ideologi pasaran bebas memerlukan satu kawalan.

Katanya, ia penting bagi menjamin ekonomi negara tidak dikawal oleh mana-mana pihak yang boleh bertindak menimbulkan kacau bilau.

Beliau berkata, usaha perlu diperkemas lagi untuk mempertingkatkan dan mengukuhkan kedudukan pasaran saham.

Abdul Aziz turut menjelaskan kegagalan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dalam menangani masalah kewangan di Indonesia, Korea dan Thailand.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri pernah mengutuk fungsi serta tindakan spekulator antarabangsa yang dianggap sebagai tidak mampu mewujudkan satu sistem kewangan dunia.

"Nyata teguran Perdana Menteri menjadi kenyataan apabila George Soros sendiri mengakui perlu diwujudkan satu sistem kawalan kewangan antarabangsa," kata Abdul Aziz.

Malah, katanya, Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus sudah mengaku pihaknya gagal dalam membantu memulihkan ekonomi dan pasaran kewangan rantau ini.

"Oleh itu beliau harus minta maaf kepada rakyat Indonesia, Korea dan Thailand dan letak jawatan kerana menawarkan pakej bantuan kewangan yang salah," katanya.

Beliau turut meminta kerajaan, Bank Dunia dan IMF supaya mencari jalan penyelesaian secepat mungkin kerana penggunaan kuasa trilion dolar boleh menghapuskan 'pasaran baru' seperti Malaysia.

Sementara itu, Senator Datuk Zainuddin Maidin meminta wartawan sama ada media cetak atau elektronik supaya tidak terpengaruh dengan media Barat yang cuba memperalatkan wartawan.

Menurutnya, wartawan perlu mengamalkan sikap berhati-hati dan mengelakkan diri diperalatkan media Barat yang mempunyai agenda untuk menimbulkan suasana huru-hara dalam negara.

Beliau menegaskan, pindahan rang undang sekuriti mampu meningkatkan kewibawaan serta membantu pasaran saham maju dalam suasana adil.

"Media asing mempunyai kuasa autokratik sehingga agensi penarafan asing sering menurunkan taraf syarikat kita, malah mereka sering memperbodoh dan merendahkan martabat negara ketika melaporkan pelbagai isu demi mengaut keuntungan," katanya.

Beliau mengingatkan pengusaha media supaya jangan takut dengan golongan korporat yang sering menunjukkan kuasa dengan bertindak menarik balik iklan mereka di dalam akhbar.

"Ini dibuat jika terdapat berita yang tidak baik mengenai syarikatnya," tegas beliau.

Beliau berkata, oleh kerana media tidak mahu menanggung kerugian, maka ia terpaksa melaporkan hanya yang baik mengenai syarikat berkenaan.

(END)